

**POLISI PEMINJAMAN ALAT BANTU MENGAJAR (ABM)
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

1.0 TUJUAN POLISI

Polisi ini diketengahkan bagi menetapkan kaedah Peminjaman Alat Bantu Mengajar (ABM)

2.0 SKOP POLISI

Polisi ini merangkumi semua jenis aktiviti contoh mesyuarat / perbincangan, dan untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran sahaja. Polisi ini digubal bagi memastikan pengguna yang beretika dan berdisiplin semasa menggunakan Alat Bantu Mengajar (ABM). Ini juga merupakan salah satu usaha dalam menyelia, mengawal dan memantau penyalahgunaan peralatan atau perkakasan ICT di Perpustakaan.

3.0 POLISI PEMINJAMAN ALAT BANTU MENGAJAR (ABM)

- 3.1** Peminjaman hanya terhad kepada pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah.
- 3.2** Peralatan ABM adalah terhad di dalam bangunan perpustakaan sahaja. Penggunaan peralatan ABM **TIDAK** dibenarkan untuk dibawa keluar dari bangunan melainkan ia telah mendapatkan kebenaran daripada Pustakawan yang bertugas.
- 3.3** Permohonan pinjaman ABM hendaklah dibuat atau ditempah selewat-lewatnya **3 HARI** sebelum aktiviti berlangsung. Ini bertujuan mengelak dari sebarang pertindihan penempahan.
- 3.4** Peminjaman ABM hendaklah dikembalikan kepada Kakitangan atau Pustakawan yang bertugas selepas tamat tempoh penggunaan.
- 3.5** Pengguna bertanggungjawab memastikan peralatan atau perkakasan ABM yang dipinjam adalah dalam keadaan berfungsi atau tidak rosak semasa dikembalikan.
- 3.6** Pengguna bertanggungjawab ke atas kos pembaikan kerosakan ABM.
- 3.7** Kakitangan Perpustakaan UMS **BERHAK** menegur, menapis, menegah dan mengambil tindakan ke atas pengguna yang melanggar polisi yang telah dinyatakan dan lain-lain kesalahan yang tidak dinyatakan dari masa ke masa.

4.0 PENUTUP

- 4.1** Polisi ini disediakan bagi memantapkan lagi Perkhidmatan Peminjaman Alat Bantu Mengajar (ABM).
- 4.2** Polisi ini akan dikaji semula setiap tahun mengikut kesesuaian semasa bagi tujuan pengemaskinian dan penambahbaikan bagi memantapkan lagi perkhidmatan ini.

Disediakan oleh

PERPUSTAKAAN UMS

17 Januari 2017